

TARIKH	KHAMIS, 29 SEPTEMBER 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	TAUKE TAK GUNA CARA PENTERNAKAN TERTUTUP!
M/S	1 & 3
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	ENVIRONMENT



Oleh Ruwaida Md Zain  
am@hmetro.com.my

## PENCEMARAN NAJIS BABI DI KUALA LANGAT

Shah Alam

Masalah pencemaran najis babi di Negeri Sembilan turut 'berjangkit' ke negeri ini apabila sumber air di daerah Kuala Langat turut dikotori aktiviti penternakan babi dan kawalan pencemaran secara konvensional.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata, tinjauan di lokasi mendapati pengusaha tidak menggunakan kaedah penternakan tertutup (*close house*) seperti kaedah *Modern Pig Farming*.

# Tauke tak guna cara penternakan tertutup!

"Kami mendapati, pengurusan kumbahan najis ternakan hanya melalui pengumpulan di kolam takungan di dalam premis ternakan.

"Efluen daripada kolam ini seterusnya disalurkan ke perparitan di luar premis dan akhirnya ke perairan pantai," katanya, semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan bersepadu ke

beberapa premis ladang ternakan babi di Tanjung Sepat bersama agensi berkaitan antaranya Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (Jas), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala

Langat (PDTKL) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Susulan itu katanya, beberapa tindakan dan usaha lanjut akan dilakukan segera antara JPV akan mengarahkan semua pengusaha terbabit melaksanakan kerja-kerja

pembersihan dan penyelenggaraan ke atas ladang ternakan dan sistem kumbahan dengan segera.

"Najis ternakan perlu dilupuskan di luar kawasan ladang ternakan dan dihantar ke tapak pelupusan yang dibenarkan.

"Luas akan mengarahkan pemilik tanah berkaitan untuk melaksanakan segera tindakan pemulihan saliran parit di dalam tapak sehing-

ga air yang dilepaskan keluar daripada lot tanah tidak mencemarkan.

"Pensampelan kualiti air juga akan dilaksanakan dan tindakan perundangan akan diambil sekiranya terdapat elemen pencemaran berla-ku," katanya.

Beliau berkata, agensi berkaitan terutama JKV Selangor mengambil langkah proaktif dengan mengawal selia aktiviti penternakan babi di seluruh Selangor dari masa ke semasa.

"Berdasarkan rekod JPV, 118 premis ternakan babi aktif beroperasi di daerah Kuala Langat dan sebahagian kecil di daerah Sepang.

"Ternakan ini dijalankan di atas tanah lot berstatus pertanian. Kesemua premis ini beroperasi dengan lesen didaftarkan JPV," katanya.

"Efluen daripada kolam ini seterusnya disalurkan ke perparitan di luar premis Hee



HEE (kiri) mengadakan lawatan bersepadu ke atas beberapa premis ladang ternakan babi di Tanjung Sepat.

DISEDIAKAN  
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM